

**UCAPAN PERASMIAN**

**MAJLIS PELANCARAN HARI LANDSKAP NEGARA 2020**

**OLEH**

**YANG BERBAHAGIA DATUK HAJAH ROSIDA BINTI JAAFAR**

**KETUA SETIAUSAHA**

**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**DI TAMAN BOTANI PERDANA, KUALA LUMPUR**

**PADA 1 MAC 2020**

---

Bismillahirrahmanirrahim

**Yang Berbahagia Dato' Nor Hisham bin A Dahlan**  
Datuk Bandar Kuala Lumpur;

**Yang Berbahagia Dato' Siti Fatimah binti Daud;**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan)  
Kementerian Wilayah Persekutuan;

**Yang Berbahagia Datuk Wan Ahmad Uzir bin Haji Wan Sulaiman;**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Sosio Ekonomi)  
Kementerian Wilayah Persekutuan;

**Yang Berusaha Puan Hajah Rotina binti Mohd Daik**  
Ketua Pengarah Jabatan Lanskap Negara;

Pegawai-pegawai kanan KWP, JLN, jabatan-jabatan kerajaan, Players Industri Lanskap Negara.

Seterusnya tuan-tuan, puan-puan hadirin sekalian.

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera,

1. Kemajuan sesebuah negara dan ketamadunan sesebuah masyarakat dapat dizahirkan, melalui keadaan persekitaran mereka yang bersih, kemas dan teratur. Negara kita telah mencapai banyak kemajuan dari segi fizikal, tetapi kita masih jauh ketinggalan dari aspek kebersihan kawasan awam, keindahan landskap dan keteraturan serta penyusunan elemen-elemen di dalam bandar-bandar di negara kita. Kita seharusnya menjadikan **aspek kebersihan, terutamanya kebersihan kawasan awam dan keindahan landskap sebagai agenda utama pembangunan negara.** Budaya mementingkan keindahan landskap dan kebersihan ini perlu diterapkan, dalam diri setiap seorang dari rakyat Malaysia, terutamanya di kalangan generasi muda yang akan menjadi pemimpin pada masa hadapan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Landskap dan persekitaran yang terancang, menarik dan mampan merupakan salah satu pra-syarat yang perlu dipenuhi oleh sesebuah negara, untuk dikategorikan sebagai negara maju. Semua **PBT di seluruh negara diharap dapat mempertingkatkan keindahan landskap dan kawasan hijau, di kawasan pentadbiran masing-masing.** Perkara ini dapat dilaksanakan melalui penyediaan rekabentuk yang **dilaksanakan oleh professional berkelayakan di dalam bidang landskap dan hortikultur, yang menekankan kepada**

perincian, bagi menonjolkan keceriaan pokok-pokok renek dan ‘hedges’, melalui penanaman pokok-pokok berwarna warni, selain mempunyai kos penyelenggaraan yang rendah, dan pemilihan tanaman bersesuaian dengan karakter dan cuaca setempat, bagi menambah daya tarikan.

Organisasi yang lengkap dengan bidang-bidang kepakaran merancang, merekabentuk dan mengurus landskap, perlu diwujudkan di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), supaya landskap dan taman-taman awam ini dapat diselenggara dan mempunyai ketahanan kualiti dalam jangka masa yang panjang.

3. Seperti yang kita sedia maklum, Kuala Lumpur sebagai bandaraya utama negara, telah mempunyai banyak taman-taman awam dan ruang-ruang awam yang menarik. **Bandaraya Kuala Lumpur seharusnya menggerakkan initiatif untuk menjadi ‘National Park City’, yang mana taman-taman yang sedia ada dipertingkatkan dan ditonjolkan sebagai tarikan utama negara berasaskan taman.** Di samping itu, **bangunan-bangunan tinggi dan perumahan berstrata, seharusnya diperindahkan dengan tanaman pokok berbunga, yang senang diselenggara.** Sebagai contoh kawasan balkoni hendaklah diperindahkan dengan tanaman-tanaman, dan penguatkuasaan perlu dibuat supaya kawasan balkoni tidak digunakan sebagai tempat simpanan barang, dan tempat menyidai pakaian.

Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengambil initiatif untuk menyelaraskan pelaksanaan pembangunan landskap di seluruh

negara, melalui pengwujudan ‘**Majlis Negara Taman**’. Saya berharap, **Majlis Negara Taman dapat menyelaras pelaksanaan polisi yang berkaitan landskap dengan Pihak Berkuasa Negeri, dan Pihak Berkuasa Tempatan** di seluruh negara dengan lebih berkesan. Saya juga berharap agar semua wakil PBT yang hadir mewakili negeri, memberi tumpuan khusus untuk melaksanakan landskap yang lebih teratur dan terurus, di negeri masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Salah satu tonggak utama dalam memastikan landskap di Malaysia terpelihara, indah dan berkualiti, adalah **budaya menjaga kebersihan dan menyayangi alam sekitar di kalangan masyarakat Malaysia**. Dalam konteks ini, saya menyarankan agar kita mencontohi masyarakat di negara maju, di mana mereka telah menjadikan amalan menjaga kebersihan dan menjaga alam sekitar sebagai budaya dalam masyarakat mereka. Tanggungjawab menjaga kebersihan telah diterapkan di dalam diri anak-anak mereka semenjak kecil lagi. Masyarakat Jepun sangat sensitif dan amat peka mengenai maruah, imej dan reputasi negara mereka di mata dunia, berkaitan dengan aspek kebersihan. Kerja-kerja pembersihan telah menjadi rutin dan sebahagian daripada kurikulum pembelajaran di sekolah.
5. Seperti yang kita sedia maklum, Malaysia tersenarai sebagai negara megabiodiversiti yang kaya dengan kepelbagai spesis. Oleh yang demikian, saya berpandangan bahawa kita seharusnya, mempamerkan kekayaan biodiversiti ini di dalam persekitaran khas, terutamanya di

kawasan-kawasan bandar di Malaysia. Persekutaran yang saya maksudkan, berteraskan kepada destinasi yang dipenuhi pokok-pokok teduhan, bunga-bungaan aneka warna, kawasan yang menempatkan aktiviti-aktiviti budaya setempat, warisan dan kraf, kawasan komersial berasaskan produk industri bunga, serta penempatan pencinta seni dan keindahan. Kawasan ini sepatutnya diwujudkan disetiap negeri yang boleh dijadikan sebagai sebuah kawasan **tumpuan pelancongan**, dan **pengeluaran produk industri landskap yang berasaskan bunga-bungaan**, dengan masyarakat **seni yang cintakan keindahan landskap** sebagai tarikan pelancongan yang merupakan satu **cabang baru ekonomi tempatan**.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. **Industri kesenibinaan landskap adalah satu bidang yang luas, dan mempunyai peranan besar, yang boleh melahirkan tenaga pakar dalam bidang Senibina Landskap, Hortikultur, Botani, Arborikultur, pengusaha-pengusaha landskap dan tenaga sektor binaan, untuk turut serta dalam memajukan sektor baru dari aspek pembangunan industri.** Industri ini adalah merupakan **industri seni kreatif**, yang mementingkan **inovasi dan keunikkan sesuatu produk**. Penglibatan generasi muda di dalam industri ini, membuka lebih banyak peluang untuk **golongan muda** berkecimpung dalam bidang landskap, seterusnya menjana ekonomi Malaysia.
7. **Kewujudan institusi latihan khas untuk memperkasakan industri landskap, terutamanya bidang-bidang berkaitan pembinaan,**

**penyelenggaraan dan penjagaan landskap, pengukiran seni kreatif dan sebagainya amat diperlukan.** Ia bagi memastikan landskap di Malaysia mempunyai identiti tersendiri, dan mencapai satu standard yang boleh dijadikan sebagai satu **cabang eksport** untuk **kepentingan ekonomi.**

8. Bertepatan dengan tema sambutan pada tahun ini iaitu, “**Generasi Muda Mencorak Landskap Negara**”, saya menyeru agar pembinaan taman awam yang lengkap dengan kemudahan rekreasi, dan penyediaan laluan basikal yang memenuhi aspek keselamatan di kawasan bandar di seluruh Malaysia, dipertingkatkan. Perkara ini perlu dilaksanakan, bagi **menggalakkan rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup sihat**, dengan menjadikan aktiviti senaman sebagai rutin dalam kehidupan mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Setiap 3 Mac merupakan Hari Landskap Negara dan amat bermakna dalam perkembangan landskap di Malaysia. Masyarakat Malaysia digalakkan untuk **menghargai alam semulajadi**, di samping **membudayakan landskap** dalam kehidupan, sebagai satu usaha untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah. Adalah diharapkan pada masa hadapan **masyarakat secara sukarela keluar beramai-ramai secara serentak dalam melaksanakan pelbagai aktiviti penjagaan dan pemuliharaan landskap** di kawasan masing-masing, sebagai sokongan kepada Sambutan Hari Landskap Negara.

10. Kempen Penanaman Pokok Kebangsaan telah dilancarkan pada 3 Mac 1997 dengan sasaran pencapaian penanaman 20 juta pokok menjelang tahun 2020. Setelah 23 tahun kempen tersebut dilancarkan, sehingga kini kita telah pun berjaya menanam sebanyak **21,560,120 pokok** yang melebihi sasaran. Syabas diucapkan kepada semua pihak. Pencapaian ini merupakan hasil daripada komitmen padu masyarakat Malaysia, yang terdiri daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), NGO, syarikat-syarikat swasta dan masyarakat Malaysia. Matlamat utama kita bukanlah semata-mata untuk mencapai sasaran jumlah penanaman, namun perkara yang jauh lebih penting, adalah untuk **meningkatkan litupan hijau dalam menangani isu pemanasan global dan ‘urban heat island’ di kawasan perbandaran.**
11. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Landskap Negara, yang kini merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, di atas inisiatif-inisiatif landskap, serta pihak yang terlibat dalam kemajuan landskap negara. Saya berharap usaha pembangunan landskap negara yang mampan dan berkualiti serta selari dengan **‘Sustainable Development Goals’** akan semakin dipertingkatkan. Menjadi hasrat saya untuk melihat **generasi belia pada hari ini, memainkan peranan utama dalam menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah.** Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan sambutan Hari Landskap Negara 2020.

Sekian terima kasih.

**Jabatan Landskap Negara,**  
Kementerian Wilayah Persekutuan,  
Tingkat 7,8,9 &10, Blok F10  
Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F,  
Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62000 Putrajaya.

26 Februari 2020.